



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)
Facebook : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(61)

Tarikh : 9 Mac 2013

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR DAN GERAN TAHUNAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SABAH

Kota Kinabalu, 9 Mac 2013 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyampaikan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) dan Geran Tahunan (GT) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah pada malam ini. Geran Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan ialah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan peruntukan 109(3) Perlembagaan Persekutuan. Manakala Sumbangan Membantu Kadar (SMK) adalah pemberian di bawah perkara 156 Perlembagaan Persekutuan bagi menggantikan cukai bangunan Kerajaan Persekutuan di dalam kawasan PBT.

Bagi tahun 2013 ini, Geran Tahunan kepada semua PBT Negeri Sabah adalah RM35.86 juta akan disalurkan kepada semua PBT Negeri Sabah sebagai bayaran Geran Tahunan bertujuan membantu kewangan mengurus PBT termasuk bayaran emolumen dan penyelenggaraan aset-aset PBT; Sumbangan Membantu Kadar pula adalah sebanyak RM31.63 juta akan disalurkan kepada kesemua PBT Negeri Sabah bagi membantu PBT menyelenggara aset-aset Kerajaan Persekutuan dalam kawasan PBT.

Bagi Negeri Sabah, peruntukan kewangan bagi tujuan pembangunan dan kemajuan, berdasarkan RMKe-9 yang lalu, jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada seluruh Negeri Sabah keseluruhannya berjumlah RM1.60 billion daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.43 billion atau 89% berjaya dibelanjakan. Sementara itu sehingga tahun 2012, di bawah RMKe-10, Negeri Sabah telah diberikan peruntukan sebanyak RM125.76 juta dengan

keseluruhan perbelanjaan sekitar RM104.91 juta atau 83%. Jumlah ini telah berjaya membiayai 1,456 projek pembangunan sekitar Negeri Sabah sehingga 2012.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mai : pro@kpkt.gov.my